

61

NO. SOALAN :31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID  
BIN IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK]**

**TARIKH JAWAPAN : 23 NOVEMBER 2017**

**SOALAN**

minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bagi menyempurnakan penyusunan semula industri air Selangor yang masih gagal akibat kegagalan Kerajaan negeri mengambilalih SPLASH selepas dua kali lanjutan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pihak-pihak kepada perjanjian masih dalam tindakan ke arah memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
2. Dalam hubungan ini, selaras dengan konsep "*willing seller, willing buyer*", Kerajaan Negeri Selangor perlu membuat tawaran harga kepada Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) bagi tujuan pengambilalihan ekuiti syarikat ini.
3. Walau bagaimanapun, tawaran harga masih belum dibuat dan rundingan mengenai nilai pengambilalihan di antara Kerajaan Negeri Selangor dan SPLASH masih belum selesai. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk menguatkuasakan Seksyen 114 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bagi memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

63

Tambahan pula, peruntukan Seksyen 114 Akta 655 ini perlu digunakan secara wajar dan berhati-hati.

Sekian, terima kasih

.....